

Mufti NS minta adakan solat hajat, doa

Seremban: Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, Datuk Mohd Yusof Ahmad, meminta semua masjid di negeri ini mengadakan solat sunat hajat dan taubat serta membaca zikir serta doa memohon hujan bagi menghadapi jerebu yang melanda negeri ini.

Katanya, solat berkenaan serta membaca zikir dan doa itu boleh dilakukan di masjid selain surau selepas solat Jumaat atau fardu.

"Semoga dengan amalan itu, kita di negara ini dan Negeri Sembilan, akan dilindungi oleh Allah daripada ujian ini," katanya di sini, semalam.

Sekolah diarah tutup

Sementara itu berikutan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) yang mencecah 200 di Nilai dan menghampiri angka itu di kawasan lain menyebabkan semua sekolah di negeri ini turut ditutup, semalam.

Kebanyakan ibu bapa mengetahui arahan penutupan sekolah, tetapi guru dan kakitangan sekolah turut menunggu di pintu pagar pagi semalam, untuk memaklumkan kepada ibu bapa dan penjaga yang tidak mengetahui penutupan itu supaya membawa pelajar pulang.

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), turut membuat keputusan menangguhkan semua sesi pengajaran dan pembelajaran di kampus Nilai universiti itu, semalam. +